

# Budak 2 tahun maut tak pernah terima imunisasi

→ Ujian pengesanan sampel ke atas mangsa sahkan ada bakteria punca penyakit

Oleh Mohamed Farid Noh dan Suhaila Shahrul Annuar  
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

**B**udak lelaki berusia dua tahun satu bulan di Johor Bahru yang meninggal dunia disyaki akibat jangkitan difteria pada 21 Februari lalu, tidak pernah menerima imunisasi sejak lahir.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata budak itu mula mengalami demam, batuk dan bengkak tonsil pada 16 Februari sebelum dibawa ke unit kecemasan hospital pada 18 Februari dalam keadaan lemah. Dia kemudian dimasukkan ke unit rawatan rapi paediatric untuk bantuan pernafasan serta rawatan antitoksin difteria.

“Malangnya, kanak-kanak berkenaan tidak dapat diselamatkan dan meninggal dunia semalam (kelmarin) sebab difteria yang teruk dan kegagalan multiorgan.

## Jangkitan bakteria

“Ujian pengesanan ke atas sampel calitan tekak kes menunjukkan kehadiran bakteria *corynebacterium diphtheriae* dan Kementerian kini menunggu keputusan makmal untuk pengesanan toksin difteria,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, penyakit difteria disebabkan jangkitan bakteria *corynebacterium diphtheriae* yang menyebabkan gejala sakit tekak dengan selaput di dalam tekak, bengkak tonsil dan kemungkinan berlaku komplikasi bacteremia (jangkitan darah) serta endokarditis (jangkitan pada jantung) sehingga menyebabkan kegagalan organ, yang seterusnya boleh membawa maut.

“Pemberian imunisasi difteria dapat mengelak jangkitan atau jika terkena jangkitan, gejala adalah lebih ringan dan tiada komplikasi.

“Kementerian Kesihatan mengambil tindakan bagi membendung penularan jangkitan ini, termasuk pencarian kes secara aktif di kawasan kediaman kes, pemberian imunisasi

## DIFTERIA

**PENYAKIT YANG DISEBABKAN** oleh bakteria *Corynebacterium diphtheriae*. Menyebabkan gejala sakit tekak dengan selaput di dalam tekak, bengkak tonsil dan kemungkinan berlaku komplikasi **bacteremia** (infeksi darah), dan **endokarditis** (infeksi pada jantung) sehingga menyebabkan kegagalan organ seterusnya boleh membawa maut.

### CARA JANGKITAN

→ Melalui titisan respiratori apabila bersin, batuk ketika bercakap dan juga boleh merebak melalui sentuhan.



dan pendidikan kesihatan:

“Tahun ini hingga kini, terdapat satu kes difteria disahkan di Malaysia. Tahun lalu, sebanyak 18 kes dengan lima kematian dilaporkan di Malaysia, yang mana empat daripada lima kematian ini tidak menerima imunisasi.

### Kematian bawah usia 10 tahun

“Semua kematian difteria bagi tahun lalu membabitkan kanak-kanak di bawah usia 10 tahun,” katanya.

Sehubungan itu, tambah beliau, Kementerian Kesihatan menasihati orang awam, terutama ibu bapa, supaya sentiasa berwaspada terhadap penyakit berjangkit yang boleh dicegah melalui imunisasi seperti difteria, demam campak (measles), batuk kokol (pertussis) dan lain-lain.

“Pastikan anak anda diberikan imunisasi kerana ia adalah cara pencegahan penyakit yang berkesan dan selamat.

“Kegagalan memberikan imunisasi kepada kanak-kanak bukan sahaja mendedahkan anak anda kepada jangkitan kuman, malah boleh membahayakan kanak-kanak lain.

“Ibu bapa yang belum memberi-

kan imunisasi kepada anak mereka dinasihatkan tampil untuk mendapatkan imunisasi mengikut jadual yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, bagi kanak-kanak yang tercicir suntikan, boleh segera mendapatkan perkhidmatan imunisasi di mana-mana fasiliti kesihatan yang terdekat,” katanya.

Sementara itu, di **Johor Bahru**, Pengarah Kesihatan Johor, Dr Selahuddeen Abd Aziz, berkata lebih 50 individu yang pernah berhubung atau bertemu budak lelaki yang meninggal dunia akibat difteria Khamis lalu, sudah disaring dan dipantau.

“Setakat ini kita membuat saringan terhadap lebih 50 individu yang pernah berhubung dengan mangsa dan pemantauan masih dilakukan.

“Hanya satu kes (difteria) dikesan membabitkan kanak-kanak lelaki yang meninggal dunia itu sahaja dan tiada kes lain dikesan setakat ini.

“Namun, saya menasihati ibu bapa memastikan anak mereka mendapatkan imunisasi lengkap kerana penyakit difteria ini berbahaya dan membawa maut kepada anak yang tidak mendapatkan imunisasi,” katanya ketika dihubungi semalam.